

05/04/2004

Isytihar harta tiap 2 tahun sekali (HL)

Kadir Dikoh; Salina Abdullah; Ridzuan Yop; Magendran Rajagopal
KUALA LUMPUR: Semua 198 Ahli Parlimen dan 303 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada Barisan Nasional (BN) diberi tempoh sehingga akhir Mei ini untuk mengisytiharkan harta masing-masing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata mereka termasuk Menteri Kabinet, Menteri Besar, Ketua Menteri serta Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen diwajibkan membuat perisytiharan itu setiap dua tahun.

"Saya telah menegaskan kepada wakil rakyat, mereka mesti menghantar laporan perisytiharan harta tidak lewat daripada akhir Mei," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN dan Majlis Tertinggi (MT) Umno di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang semalam.

Ini adalah mesyuarat pertama MT Umno dan Dewan Tertinggi BN selepas Pilihan Raya Umum Ke-11 pada 21 Mac lalu yang menyaksikan gabungan 14 parti komponen itu mencatat kemenangan gemilang dengan memenangi 198 daripada 219 kerusi Parlimen dan 303 daripada 338 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Selepas mesyuarat itu, Abdullah turut menghadiri majlis tahlil dan perjumpaan dengan semua wakil rakyat BN di Dewan Merdeka PWTC.

Abdullah yang juga Pengerusi BN dan Pemangku Presiden Umno berkata, perisytiharan harta itu selaras usaha kerajaan mewujudkan Kod Etika untuk Wakil Rakyat bagi memastikan mereka memenuhi tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan.

Pada dua mesyuarat itu, beliau juga mengingatkan semua wakil rakyat supaya mematuhi Kod Etika itu.

Abdullah berkata, Ahli Parlimen dan Adun mesti mengemukakan laporan tiga bulan sekali untuk pemimpin meneliti kerja yang dilaksanakan di kawasan masing-masing.

Adun dikehendaki mengemukakan laporan itu kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri selaku Pengerusi BN Negeri dengan salinannya dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri khususnya kepada Abdullah.

Ahli Parlimen pula dikehendaki mengemukakan laporan itu terus kepada Perdana Menteri.

"Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya Rabu ini akan melihat draf akhir kod etika itu yang dikenakan kepada semua wakil rakyat," katanya.

Semua pemimpin mewakili parti komponen BN pada mesyuarat Dewan Tertinggi semalam menyokong penuh pelaksanaan Kod Etika Wakil Rakyat itu seperti diumumkan oleh Abdullah bulan lalu iaitu seminggu sebelum pilihan raya.

Abdullah berkata, mesyuarat BN juga menyetujui tindakan disiplin diambil terhadap ahli BN yang mensabotaj calon BN pada pilihan raya umum baru-baru ini sama ada sebagai calon Bebas, penyokong atau pencadang calon atau berkempen menentang calon BN.

"Kita serahkan tindakan itu diambil oleh parti komponen masing-masing dan salinan laporan mengenai bentuk tindakan itu hendaklah dimaklumkan kepada Sekretariat BN.

"Inilah muafakat bersama yang telah diambil oleh parti komponen BN. Kami menganggap disiplin adalah penting.

"Jika disiplin tidak diambil pada peringkat ini, mungkin pada masa depan, ada lagi kes seperti ini. Jadi kekuatan parti mesti berasaskan kepada betapa pentingnya ahli memelihara disiplin," katanya.

Abdullah berkata, soal disiplin di kalangan ahli Umno pula diserahkan

kepada Lembaga Disiplin yang dipengerusikan Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen.

Beliau berkata, laporan mengenai prestasi BN di Kelantan dan tindakan sabotaj ahli Umno dibincangkan pada peringkat jawatankuasa pengurusan sebelum dibawa ke MT.

Mengenai pemilihan pada peringkat cawangan, bahagian dan MT, Abdullah berkata perkara itu tidak dibincangkan kerana mahu memberi perhatian kepada soal melaksanakan kerja.

"Kita tidak mahu ahli parti sibuk pula dengan pemilihan dalam Umno. Oleh itu, mesyuarat khas MT akan diadakan bagi menetapkan tarikh itu nanti," katanya.

Mesyuarat serta pemilihan pada peringkat cawangan, bahagian dan MT mesti diadakan sebelum Disember ini, iaitu selepas berakhirnya tempoh penangguhan 18 bulan berikutan Pilihan Raya Umum Ke-11 baru-baru ini.

Perdana Menteri mengesahkan Perhimpunan Agung Umno mesti diadakan pada tahun ini tetapi berharap media tidak membuat pelbagai spekulasi.

Beliau juga mahu wakil rakyat bergerak dengan cepat dalam memberikan khidmat bermutu kepada rakyat selaras dengan janji yang terkandung dalam manifesto BN.

Katanya, adalah penting bagi mereka memusatkan perhatian kepada kerja memenuhi manifesto itu manakala kerja yang diberikan perlu bermutu.

"Semua kita mesti sentiasa menjaga diri supaya berwibawa, elak daripada rasuah dan tidak salah gunakan kuasa, dan sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dan bekerja untuk rakyat dan negara," katanya.

Abdullah turut merakamkan terima kasih kepada ahli MT, Pergerakan Wanita, Pemuda, Puteri dan semua ahli parti yang bekerja kuat untuk memastikan kejayaan BN pada pilihan raya lalu.

Katanya, Umno juga akan mengadakan jamuan terima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, pula berkata MT merakamkan penghargaan kepada Abdullah yang mengetuai jentera BN mencatat kemenangan besar pada pilihan raya umum.